

**Pemuda Umno Putrajaya Teruskan Usaha Tarik Orang Muda
Bernama
13 Oct, 2013**

PUTRAJAYA, 13 Okt (Bernama) -- Pemuda Umno Putrajaya yang diteraju dua muka baharu berazam meneruskan usaha pemimpin terdahulu menarik golongan muda kepada Umno.

Ketuanya Ahmad Faisal Abd Karim yang sebelum ini setiausaha pergerakan, menang tanpa ditandingi manakala Nasru Syazwan Nawai pula menjadi Naib Ketua yang baharu selepas mengalahkan Mohd Sharel Azlee dengan majoriti 34 undi.

Bercakap kepada pemberita selepas pengumuman keputusan pemilihan itu semalam, Ahmad Faisal juga yakin dengan sinergi barisan kepimpinan kali ini.

Bagi Noor Aini Mustafar yang menang jawatan ketua Puteri, sasaran beliau ialah memperbanyak pendedahan mengenai Puteri Umno kepada masyarakat.

Ramai pemudi yang berminat menyertai Umno, namun tidak tahu caranya, justeru Puteri Umno Putrajaya akan meningkatkan aktiviti untuk mendekati golongan wanita muda, katanya.

Noor Aini yang sebelum ini penolong bendahari bahagian itu menewaskan Sry Noraeni Khairudin, manakala jawatan naib ketua pula dimenangi oleh Noor Rashidah Baharuddin yang mengalahkan Radziana Abdul Rahman.

Jawatan ketua Wanita dan naib ketuanya masing-masing kekal milik penyandang Saadiah Bakar dan Laili Ismail yang tidak dicabar.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=985408>